

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Monday, February 27, 2017 4:56 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Nurhaizal Azam Bin Arif; Roshadah Bt Yaacob
Subject: PELAJAR UUM COLGIS WAKILI MALAYSIA KE PERSIDANGAN BELIA ANTARABANGSA KOMANWEL DI INDIA



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE

College of Law, Government and International Studies

Universiti Utara Malaysia

"MUAFAKAT KEDAH"

27 FEBRUARI 2017 | 30 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

**PELAJAR UUM COLGIS WAKILI MALAYSIA KE PERSIDANGAN BELIA
ANTARABANGSA KOMANWEL DI INDIA**



PPA COLOGIS ONLINE: Farel Jumardi bin Ladun, pelajar semester lima program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa (INTAFF) telah berjaya terpilih bagi mewakili Malaysia ke program Global Sustainability Summit 2017 yang bertempat di New Delhi, India pada 27-31 Januari yang lalu. Program yang berlangsung selama 5 hari itu merupakan hasil penganjuran oleh Universiti Delhi, India melalui kerjasama Pertubuhan Belia Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta Commonwealth Youth Peace Ambassadors Network (CYPAN).

Penganjuran program tersebut adalah untuk memberi latihan diplomatik dan kepimpinan di samping menjadi sebuah platform global kepada 104 pemimpin

belia dari 52 negara komanwel yang telah hadir ke persidangan tersebut bagi membincangkan resolusi isu-isu antarabangsa. Persidangan itu memberi fokus kritikal kepada pelaksanaan empat agenda Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) Pasca 2015 PBB iaitu Kebuluran, Pendidikan, Ekualiti dan Perubahan Iklim. Resolusi persidangan tersebut akan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi bagi semakan oleh Sekretariat Komanwel dan PBB.

Antara program lain yang turut disertai beliau adalah termasuklah bengkel khas "Upcoming Youth Peacebuilders" oleh calon Penerima Hadiah Keamanan Nobel daripada Afghanistan, Zhala Sarmast, aktiviti sukarelawan di Kem Pelarian Rohingya Shareen Bagh, sesi plenari dan forum kemuncak Global Sustainability Summit 2017 bersama tokoh-tokoh politik dan usahawan tersohor negara itu seperti Meira Kumar, Dr. Pawan Agrawal dan ramai lagi. Program itu tamat dengan sesi lawatan ke monumen Taj Mahal yang terletak di Kota Agra, India.

Beliau mengulas faktor kejayaannya untuk terpilih sebagai wakil Malaysia dan Universiti Utara Malaysia khususnya, adalah lanjutan daripada penglibatan beliau yang turut mewakili Malaysia ke Seminar Belia Dunia 2016 anjuran World Federations of United Nations (WFUNA) di Kuala Lumpur.

Habis.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email :

colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS |

Twitter : PPA_COLGIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.